

09/05/2003

Euro ganti dolar untuk urus niaga minyak, gas

Hishamuddin Aun; Kadir Dikoh; Nor Liza Ahmad
KERAJAAN akan menimbang kemungkinan menggunakan mata wang euro dalam urus niaga minyak dan gas bagi mengelak negara terus menanggung rugi dalam perdagangan komoditi berkenaan berikutan kemerosotan dolar Amerika.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Petronas yang juga perbadanan minyak negara, disaran menimbang kemungkinan menggunakan euro bagi memastikan pendapatan dagangan minyak dan gas tidak terus terjejas.

Katanya, perdagangan minyak dan gas dalam euro dijangka memberi manfaat besar kepada pertumbuhan pendapatan negara jika nilai mata wang itu mengalami kenaikan.

"Nilai dolar kini susut 25 peratus dan dengan kata lain pendapatan dagangan minyak dan gas kita juga merosot 25 peratus, tetapi jika menggunakan euro, ia masih pada harga sama bila ditukar dalam nilai dolar.

"Bagaimanapun, sekarang kita menjalankan urus niaga dalam nilai dolar," katanya selepas majlis perasmian Kompleks Gas Asli Cecair (LNG) Petronas di Bintulu, semalam.

Dengan beroperasinya kompleks bersepadu Bintulu itu, Petronas kini berada dalam landasan kukuh untuk terus meneroka pasaran baru dan meningkatkan daya saingnya dalam industri gas asli.

Kompleks LNG Petronas yang dibangunkan dengan pelaburan RM16.6 bilion itu menempatkan tiga loji iaitu Malaysia LNG Sdn Bhd (MNLG) Malaysia LNG Dua Sdn Bhd (MNLG2) dan Malaysia LNG Tiga Sdn Bhd (MNLG3) dengan keupayaan mengeluarkan 23 juta tan LNG setahun.

Perdana Menteri berkata, dengan siapnya Kompleks bersepadu itu, Malaysia mampu mengatasi Algeria sebagai pengeluar LNG kedua terbesar dunia selepas Indonesia.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, perniagaan LNG global boleh dianggap sebagai medan peperangan kepada peserta utama memandangkan kedudukan rizab gas yang meluas menjadi daya penarik kemasukan lebih banyak pengeluaran baru.

Beliau berkata, persaingan dalam industri berkenaan juga kini menjadi lebih sengit berikutan meningkatnya bekalan LNG mengatasi pertumbuhan pasaran sekali gus memberi tekanan terhadap harga.

"Dalam usaha untuk kekal dalam perniagaan, langkah memastikan keseluruhan daya saing kita sebagai peserta LNG global akan lebih mencabar," katanya.

Sehubungan itu katanya, Malaysia juga perlu meningkatkan keberkesanan kos dan kecekapan dalam semua aspek rangkaian perniagaan LNG.

Beliau berkata, Malaysia tidak lagi hanya bertumpu kepada pasaran domestik sebaliknya perlu membangunkan keupayaan dan kapasiti sebagai pengeluar LNG global.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia harus bekerjasama bagi memperbaiki daya saing negara dalam industri itu dan bekerja keras meningkatkan daya tahan.

Mengenai caj pelabuhan yang tinggi oleh Bintulu Port Sdn Bhd (BPSB), Dr Mahathir berkata, kerajaan bersedia menyemak semula kadar yang dikenakan.

BPSB kini mengenakan caj RM800,000 bagi setiap kapal tangki LNG yang keluar dari pelabuhan itu, yang disifatkan Petronas sebagai sangat tinggi.